

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

GUAMAN NO: S4-21-295-2003

ANTARA

TUNG SAU KHAM

...

PLAINTIF

DAN

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

...

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

OLEH YANG ARIF HAKIM

DATO' TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT

Pada 22.2.2003 En. Hoo Chee Sen (simati) sedang memandu lori WAX 5385 di sepanjang Jalan Tenteram, Kuala Lumpur apabila sebatang pokok angkana di tepi jalan tersebut tumbang dan menimpa kenderaannya. Simati mengalami kecederaan di kepala dan di dada dan meninggal akibat kejadian itu. Jalan Tenteram adalah di bawah jagaan dan kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada masa kematiannya, simati berumur 31 tahun. Simati meninggalkan balu iaitu Puan Tung Sau Kham dan dua orang anak, Hoo Soon Kee and Hoo Soon Feng, masing-masing dilahirkan pada tahun 2000 dan 2002.

Puan Tung membawa tindakan ini terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) mewakili dirinya dan anak-anak untuk gantirugi am dan gantirugi khas di bawah Akta Undang-undang Sivil 1956. Adalah pengataan Puan Tung bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh simati adalah disebabkan kecuaiian DBKL dan/atau disebabkan oleh kemungkiran kewajipan statutori DBKL. Antara butir-butir kecuaiian yang dihidul ialah bahawa DBKL gagal memastikan jarak yang memadai di antara pokok yang ditanam dengan jalanraya; gagal untuk memastikan bahawa pokok tersebut adalah satu spesies yang sesuai untuk ditanam di lokasi tersebut; gagal mematuhi seksyen 38 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Puan Tung juga bergantung kepada doktrin *res ipsa loquitor*.

Pembelaan DBKL ialah bahawa ia telah mengambil segala tindakan keselamatan yang munasabah dan kemahiran dalam

penyelenggaraan pokok dari segi lokasi dan spesis; bahawa kemalangan disebabkan atau disumbangkan oleh kecuaiannya; bahawa kejadian tersebut disebabkan oleh bencana alam (act of God) yang tidak dapat dijangka secara munasabahnyanya di mana pada hari tersebut terdapat hujan yang terlalu lebat dan luar biasa bersama angin yang kuat dan kencang.

Puan Tung memberi keterangan bahawa:-

1. pada 22.2.2003 lebih kurang 6.45 petang beliau mendapat panggilan telefon memaklumkan suaminya meninggal dunia akibat kemalangan.
2. simati terlibat dengan perniagaan perabot yang dikenali sebagai Perabut Chee Sen.
3. berdasarkan Borang J (Notis Taksiran Cukai Pendapatan) bagi tahun 2000, 2001 dan 2002 simati mempunyai pendapatan sebanyak RM46,581.00, RM51,969.00 dan RM53,612.00 masing-masing.
4. beliau bekerja di perniagaan simati dan diberi gaji lebih kurang RM800.00 hingga RM1000.00 sebulan.
5. beliau telah membelanjakan RM3,750.00 untuk tapak perkuburan dan RM5,100.00 untuk membuat kubur.

6. beliau membuat pinjaman daripada saudara mara untuk perbelanjaan di atas dan pinjaman itu dibayar balik secara ansuran apabila beliau mendapat wang daripada perniagaan perabut.
7. perniagaan perabut telah ditamatkan pada tahun 2004 atau tahun 2005.
8. simati menyumbang sebanyak RM700.00 untuk perbelanjaan rumah tangga, RM1000.00 untuk pengasuh kanak-kanak, RM450.00 untuk ansuran rumah dan RM300.00 sebulan untuk susu tepung dan lampin kanak-kanak.
9. sebelum kematian, simati juga ada membuat bayaran ansuran bagi tiga buah rumah serta lori.
10. simati tidak merokok dan tidak minum minuman keras, mengambil sarapan pagi di rumah.
11. beliau tidak mengetahui berapa perbelanjaan simati sebulan.
12. selepas kematian simati, beliau mengambil alih perniagaan perabut Chee Sen.

Bagi pihak DBKL, Pembantu Pertanian En. Abdullah bin Yusoff dan En. Khairulazlan bin Rahmat, Pegawai Pertanian DBKL

memberi keterangan. En. Abdullah bertanggungjawab menyelenggara pokok-pokok dan membuat rondaan setiap pagi, termasuklah pada pagi 21.2.2003 dan 22.2.2003, untuk menentukan bahawa pokok-pokok adalah dalam keadaan sihat dan tidak berpenyakit. Terdapat lebih kurang 3,000 batang pokok di bawah jagaannya dan beliau membuat rondaan dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari. Beliau akan melihat kepada tanda-tanda seperti sama ada daun gugur atau kering, daun berbintik-bintik, sama ada akar pokok dimakan anai-anai dan juga melihat kepada sama ada terdapat anai-anai atau kesan reput pada batang pokok. Jika ada pokok yang berpenyakit, laporan akan dibuat kepada pegawai atasannya iaitu En. Khairulazlan yang seterusnya akan melaporkan kepada Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) atau Jabatan Pertanian. Keterangan En. Abdullah ialah beliau membuat pemeriksaan ke atas tunggul pokok yang tumbang yang menimpa simati dan mendapati bahawa pokok itu tidak berpenyakit.

En. Khairulazlan yang bertanggungjawab antara lain untuk menyiasat pokok yang berpenyakit memberi keterangan bahawa beliau memeriksa tunggul pokok yang tumbang dan mendapati ianya masih ada getah merah. Ini, kata En. Khairulazlan, menunjukkan bahawa pokok itu tidak berpenyakit kerana jika ia berpenyakit, tunggulnya akan bergetah putih. En. Khairulazlan juga menyatakan bahawa melihat kepada batang dahan serta tunggul yang seperti dipulas, pokok itu tumbang disebabkan oleh ribut, hujan serta angin yang kuat pada hari tersebut.

Pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia, En. Ahmad Fairudz bin Jamaluddin merujuk kepada data hujan yang dikeluarkan oleh Jabatan itu yang dicatat di stesyen Sg. Besi. Bagi tarikh 22.2.2003 data di Sungai Besi menunjukkan di antara 18.00 – 19.00 jam, amaun hujan ialah 6.0 milimeter dan jumlah hujan sehari ialah 11.4 milimeter. Keterangan juga diberi mengenai data hujan yang di rekodkan di Parlimen, Kuala Lumpur bagi bulan Januari, Februari, Mac, April dan Mei 2003. Ia menunjukkan hujan pada 22.2.2003 adalah sebanyak 12.2 milimeter sehari, pada 7.3.2003 sebanyak 37.6mm, pada 14.3.2003 sebanyak 47.0 mm, pada 24.3.2003 sebanyak 40.6 mm, pada 25.3.2003 sebanyak 33.2 mm, manakala pada 24.4.2003 sebanyak 40.2 mm sehari.

KEPUTUSAN

Persoalan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ialah sama ada DBKL cuai dalam menyelenggara pokok yang tumbang ke atas simati. Di dalam kes *Len Omnibus Co. Ltd v North South Transport Sdn Bhd* [1978] 2 MLJ 246 Raja Azlan Shah, Pemangku Hakim Besar Malaya (Baginda ketika itu) menyatakan:-

“It is well established that the duty of the appellants as an estate owner was to take such steps as a reasonable and prudent landowner would take, and the question was one of fact whether their conduct infringed this requirement. This was the test adopted by Lords Normand and Reid in *Caminer v Northern & London Investment Trust, Limited* [1951] AC 88 and which was applied in the local case of *Thean Chew v The Seaport (Selangor) Rubber Estate Ltd.* [1960] 1 MLJ 166. This test

postulates not expert knowledge on their part but some degree of knowledge as a reasonable and prudent landowner would possess. Accordingly, an estate owner who has rubber trees growing on his estate adjoining the highway is not expected to possess scientific knowledge of diseases that may affect the trees but he is expected as a reasonable and prudent landowner to inspect the trees from time to time to assess their safety and if there is a danger of one of those trees falling on the highway, and possibly injuring someone who is using the highway, it is his duty to have that tree removed which is found to be dangerous.”

Seterusnya dinyatakan:-

“If a tree adjoining a highway falls on the road without any negligence on the part of its owner, and the said tree causes an obstruction to the said highway, it is wrong to suppose that ipso facto and immediately a nuisance is created. The keynote of his responsibility is knowledge or means of knowledge. Thus, a nuisance will obviously be created if, knowing, or having the means of knowing of its existence, he allows it to continue for an unreasonable time or in unreasonable circumstances, but the mere fact that an obstruction has come into existence cannot overnight, turn it into a nuisance.”

Di dalam kes *Batang Kali Estates Sdn Bhd v Romani bte Abdul Aziz* [1995] 3 MLJ 104 KC Vohrah H berkata di ms 109 bahawa:-

“...it has to be proved that the tree was infected by disease and then only would the issue of negligence of the defendant be considered. In our case, there was absolutely no evidence either

through the plaintiff's or the defendant company's witnesses that the tree was diseased and that it fell because of the disease.”

Kecuali sebatang pokok di Jalan Tenteram Cheras yang berada di bawah kawalan dan penyelenggaraan DBKL tumbang dan menghempap simati, tidak terdapat sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa pokok itu adalah berpenyakit dan bahawa DBKL gagal menyelenggara atau mengambil tindakan terhadap pokok yang berpenyakit itu. Peguamcara bijaksana bagi Puan Tung berhujah bahawa DBKL cuai kerana menanam pokok angkana terlalu rapat dengan jalanraya. Saya tidak dapat menerima hujahan itu kerana tidak terdapat apa-apa keterangan bahawa pokok itu ditanam terlalu hampir dengan jalanraya atau bahawa pokok angkana adalah spesis yang tidak sesuai ditanam.

Berdasarkan keterangan En. Abdullah bahawa terdapat 3000 batang pokok di bawah seliaannya dan beliau membuat pemeriksaan dari jam 9.00 pagi hingga 12 tengahari, peguamcara bijaksana bagi Puan Tung berhujah bahawa 3.6 saat untuk memeriksa setiap pokok adalah tidak mencukupi untuk memastikan sama ada pokok itu berpenyakit atau tidak dan bahawa DBKL patut menggaji lebih pekerja untuk memeriksa pokok-pokok. Peguamcara bijaksana seterusnya berhujah bahawa DBKL gagal bertindak sebagai seorang yang munasabah dan telah memungkir kewajipan berjaga-jaganya.

Hujahan ini pada pendapat saya juga tidak berasas. Tiada keterangan yang menunjukkan DBKL tidak dapat melaksanakan

tugas dengan sempurna kerana kekurangan kakitangan dan bahawa masa yang diambil untuk memeriksa pokok-pokok tidak mencukupi. Berdasarkan keterangan yang ada saya mendapati DBKL telah melaksanakan tanggungjawabnya secara yang munasabah dan tidak bertindak cuai. Lebih-lebih lagi keterangan En. Khairulazlan bahawa pokok yang tumbang mempunyai getah merah yang menunjukkan ianya tidak berpenyakit, tidak dicabar.

Saya menerima hujahan peguamcara bijaksana bagi Puan Tung bahawa hujan pada hari kejadian tidaklah luarbiasa lebatnya jika dibanding dengan beberapa hari lain di mana jumlah hujan yang dicatat adalah lebih lebat. Namun, pada hari kejadian terdapat juga sebuah rumah kedai di Jalan Cheras yang runtuh yang mengakibatkan kematian 3 orang yang sedang berteduh di situ selain daripada kejadian pokok-pokok tumbang di kawasan lain. Dalam keadaan di mana Puan Tung gagal membuktikan bahawa DBKL adalah cuai, doktrin res ipsa loquitor pada pendapat saya tidak terpakai. Menggunakan prinsip undang-undang yang dinyatakan di dalam kes-kes di atas dan berdasarkan keterangan yang ada, saya mendapati Puan Tung gagal membuktikan tuntutananya terhadap DBKL. Tuntutan Puan Tung adalah ditolak dengan kos.

(DATO' TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
BAHAGIAN SIVIL
KUALA LUMPUR

Bertarikh 19hb Jun 2009

Encik Collin Pereira bagi pihak Plaintiff
Tetuan CS Wong & Partners
Peguambela dan Peguamcara
Suite E-08-10, Plaza Mont Kiara
No. 2, Jalan Kiara
50480 Kuala Lumpur.

Encik K. Vibalanathan bagi pihak Defendan
Tetuan Dass, Jainab & Associates
Peguambela dan Peguamcara
Wisma Mariamah
No. 14, Jalan 65C
Off Jalan Pahang Barat
Pekeliling Business Centre
53000 Kuala Lumpur.